



PENGHUNI blok yang sudah siap (sebelah kanan) sebuah kondominium di Taman Melati terganggu dengan pembinaan blok baru yang dilakukan sehingga ke malam.

- Gambar WAHIDAH ZAINAL

# Buat kerja sampai malam

Oleh SITI AIRUNNISA ALAU

**WANGSA MAJU** 11 Nov. - Berikut permintaan terhadap kediaman di ibu negara dan kawasan sekitarnya sentiasa tinggi, pemaju menggunakan pelbagai cara untuk menambah jumlah kediaman yang mereka bina.

Bagi yang tidak mempunyai kawasan yang luas atau mahu menjual rumah mereka pada harga yang kompetitif, panggapiro atau kondominium menjadi pilihan.

Namun, masalah yang sering berlaku ialah pemaju membina terlalu banyak unit sehingga kepadatan penduduk di sebuah kawasan itu menjadi terlalu tinggi.

Selain itu, terdapat juga pemaju yang melaksanakan projek mereka secara berfasa yang membawa kepada pelbagai masalah pencemaran kepada penghuni yang sudah mula menetap di kawasan projek mereka sebelum itu.

Inilah yang menghantui penghuni sebuah projek kondominium di sini yang terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah berikutan pembinaan blok baru di kediaman mereka itu.

Bukan mementingkan diri sendiri tetapi masalah yang berlaku sejak tahun lalu tidak diambil peduli oleh pemaju maupun pihak berkuasa walaupun aduan telah beberapa kali dibuat.

Jika ada pun, kata penduduk, hanya seperti melepaskan sampah di tangga dan arahau pihak berkuasa sering kali dibatalkan.

Tinjauan Utusan Malaysia ke lokasi kondominium bersempadan Taman Melati itu mendapati, projek pembinaan kondominium berkenaan masih berada beberapa meter dari jalan kejalan persekutuan terbatas.

Penduduk mendakwa, pembinaan tersebut telah dimulakan sejak Mac tahun lalu.

Bagaimanapun, apa yang dikesalkan ialah pemaju tersebut sering menjalankan kerja-kerja pembinaan sehingga lewat malam walaupun jelas melanggar arahan yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Mengikut arahan yang dikeluarkan, sebarang aktiviti pembinaan seharusnya dijalankan pada hari Isnin hingga hari Jumaat bermula pukul 8 pagi hingga 6 petang sahaja dan tiada sebarang aktiviti dijalankan pada cuti umum.

Namun, pemaju tidak menghiraukan arahan tersebut dan sering menjalankan kerja-kerja sehingga lewat malam, diperdayai untuk memastikan projek itu siap

**Setiap kali mereka menjalankan kerja-kerja pembinaan di waktu malam, saya terpaksa menutup semua tingkap rumah saya, bagaimanapun bunyi bising tersebut masih dapat didengari**

**CHIA HUA HONG**  
Penduduk



CHIA HUA HONG



KHOLID HASAN



CHONG LING HAI

mengikut jadual.

Dakwa penduduk lagi, akibat tidak tahan dengan pelbagai masalah yang terpaksa ditanggung, mereka mengadakan perkara terbabat kepada DBKL, namun setakat ini, hanya notis berhenti kerja sahaja dikeluarkan tetapi ia seperti tidak diendahkan oleh pemaju.

Seorang penduduk, Chia Hua Hong, 29, berkata, masalah utama yang dihadapi oleh penduduk ialah bunyi bising dari kerja-kerja pembinaan di situ serta masalah pembiakan nyamuk.

Katanya, memandangkan projek tersebut hanya beberapa meter sahaja daripada kediaman penduduk, bunyi bising yang terhasil adalah terlalu kuat dan sangat mengganggu.

"Saya tidak kisah sekiranya mereka ingin menambah blok baru di kawasan perumahan ini, namun mereka harus mematuhi arahan kerja-kerja pembinaan yang telah ditetapkan."

"Setiap kali mereka menjalankan kerja-kerja pembinaan di waktu malam, saya terpaksa menutup semua tingkap rumah saya, bagaimanapun bunyi bising tersebut masih dapat didengari."

"Selain itu, saya lihat banyak kawasan

tapak pembinaan tersebut mampu menjadikan tempat pembiakan nyamuk," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Difahamkan, keadaan tersebut terpaksa ditanggung oleh semua penghuni terutamanya yang berada di blok yang paling hampir dengan blok yang sedang dibina itu.

Seorang lagi penduduk, Kholid Hasan, 51, memberitahu, masalah sampah juga semakin teruk di kawasan tersebut.

Tambahnya, sekiranya angin atau hujan yang kuat, pastinya sampah dan debu berterbangan di sekitar kawasan berkenaan.

"Selain masalah bunyi bising, masalah sampah juga terpaksa ditanggung oleh penduduk terutama apabila sampah-sampah berkenaan berterbangan di tiup angin."

"Bukan itu sahaja, pastinya 'sampah terbang' tersebut mencacatkan pemandangan di kawasan sekitar kondominium ini," jelasnya.

Seorang lagi penduduk, Chong Ling Hai, 39, pula berharap DBKL dapat memantau aktiviti pembinaan yang dijalankan oleh pemaju berkenaan yang tidak mengikuti arahan yang tetapkan."

"Masalah seperti ini sering berlaku dan

diadukan, oleh itu, DBKL perlu memantau dan bertindak segera serta tegas bagi mengelak pemaju melanggar peraturan yang telah ditetapkan," ujarnya yang juga seorang pensyarah.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Wangsa Maju, Wee Chee Keong berkata, pada 15 Julai lalu, DBKL telah mengeluarkan notis kepada pemaju berkenaan supaya melaksanakan kerja-kerja pembinaan dalam waktu yang ditetapkan sahaja.

Bagaimanapun, katanya, beberapa kali pada bulan Ogos lalu, penduduk membuat aduan kepadanya tentang masalah tersebut yang berulang kembali walaupun notis telah diberikan.

Katanya, selepas mendapat notis tersebut, pemaju akan mematuhi arahan yang dikeluarkan itu tetapi tidak sampai dua bulan selepas itu, mereka kembali menjalankan pembinaan di luar waktu bekerja.

"Bagi menyelesaikan perkara tersebut, satu mesyuarat bersama-sama dengan wakil pemaju dan DBKL diadakan dan akhirnya DBKL memberi notis kepada pemaju supaya memberhentikan kerja-kerja pembinaan sehingga diberitahu kelak."

"Bagaimanapun, belum sempat penduduk meraikan kegembiraan, pemaju tersebut kembali semula menjalankan pembinaannya."

"Rupa-rupanya penduduk mendakwa notis berhenti kerja tersebut telah ditarik balik oleh DBKL setelah mengadakan mesyuarat bersama pemaju tanpa memaklumkan kepada penduduk dan Ahli Parlimen," jelasnya kecewa.

Beliau juga kesal kerana DBKL gagal memberi notis mahupun kompaun kepada pemaju berkenaan walaupun telah beberapa kali melanggar peraturan di tapak pembinaan.

Jelasnya, lebih 30 orang penduduk telah membuat aduan dan seharusnya DBKL tidak boleh memandang ringan aduan-aduan berkenaan.

"DBKL perlu juga menjaga ketenteraman orang awam dan bukannya hanya mementingkan pembangunan semata-mata."

"Apa yang menjadi persoalan ialah mengapa notis berkenaan ditarik balik dan mengapa DBKL tidak mengadakan perjumpaan dengan penduduk untuk memaklumkan perkara berkenaan," katanya.

Sementara itu, jurucakap Platinum Victory memberitahu, mereka bersedia untuk memenuhi permintaan penduduk terbaik.

"Kami akan membincangkan masalah ini dengan DBKL dan Choo Keong," katanya.